

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JANUARI 2024
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5

1.54 juta rakyat telah daftar Padu

Bakal jadi pangkalan data pelaksanaan Govtech

1.54 juta rakyat telah daftar Padu

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA — Seramai 1.54 juta rakyat Malaysia termasuk golongan muda berusia bawah 18 tahun telah mendaftar dalam Pangkalan Data Utama (Padu) selepas dua minggu dilancarkan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, beliau akan turun padang mulai minggu depan untuk menggalakkan lebih ramai mendaftar Padu terutama golongan berpendapatan rendah.

"Saya faham masih ramai yang mahu menunggu bagaimana Padu boleh membantu kehidupan sehari-hari mereka.

"Selain daripada tujuan utama untuk menentukan kelayakan penerimaan subsidi bersasar secara adil, Padu sebenarnya mempunyai peranan yang jauh lebih besar," katanya dalam hantaran di media sosial semalam.

Rafizi menjelaskan, salah satu daripada peranan besar Padu adalah sebagai pangkalan data tulang belakang kepada pelaksanaan Government Technology (Govtech).

"Govtech akan mengubah pengalaman rakyat berurusan dengan kerajaan melalui pendigitalan, lebih cekap, lebih mudah, lebih canggih."

"Jadi kita perlu menjayakan Padu. Sama-sama daftar secepat mungkin, jangan tunggu sampai 31 Mac 2024," katanya.

PADU yang dilancarkan oleh



PEGAWAI Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, Maimunah A. Rahman (kanan) membantu penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Salak Selatan di Kuala Lumpur mengisi maklumat Padu baru-baru ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 Januari lalu antara lain bertujuan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan lebih baik dan cekap kepada rakyat.

Ia juga bertujuan menghentikan ketirisan dan kebocoran dengan memastikan hanya mereka yang berhak dapat menikmati

subsidi serta manfaat lain melalui penyaluran subsidi berkesan.

Selain pemantauan dan penilaian berkesan terhadap pelaksanaan dasar negara, Padu yang merupakan pangkalan data yang berintegrasi dan berpusat mampu menjimatkan sumber secara signifikan.